

# 02

EDISI KEDUA



# GSMfSr

BULETIN

GALERI SENI MERBOK UITM KEDAH

ISSN 2637-028X

[www.kedah.uitm.edu.my](http://www.kedah.uitm.edu.my) JULAI - DISEMBER 2018



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA



Kunjungan oleh  
Pro-Canselor UiTM  
YBHG. Tan Sri  
Dato' Seri Utama  
(DR) Arshad Ayub  
ke GALERI SENI MERBOK

LAKAR DESIGN SHOW 2018  
Art Meet Science  
Pensyarah FSSR pameran  
kehebatan

BENGKEL PANDAI BATIK  
bersama Pelancong Taiwan

Galeri Seni Merbok  
*Berwajah Baru*  
oleh: Faryna Mohd Khalis

Alhamdulillah Buletin Galeri Seni Merbok kembali dengan Edisi kedua bagi bulan Julai hingga Disember 2018. Seperti biasa galeri masih rancak menerima kunjungan daripada pihak sekolah-sekolah dan IPT terutama sekitar Kedah. Selain daripada lawatan, galeri kini telah berwajah baru apabila penambahbaikan dilakukan melibatkan pertukaran cat dinding, lantai dan susun atur hasil karya baru. Bukan itu sahaja, malah ruangan galeri telah digunakan untuk pameran sebuah event besar iaitu Pameran Seni Budaya dan Pertandingan yang dijangka berakhir dengan sambutan kemuncak pada bulan March 2019. Semoga pameran dan pertandingan ini memberi semangat dan manfaat kepada semua pengkarya-pengkarya agar terus menghasilkan karya-karya sebagai inspirasi kepada pelapis pada masa akan datang.

## SIDANG REDAKSI

Penasihat  
Prof. Madya Dr Shaiful Annuar Khalid

Ketua Editor  
Dr Faryna Mohd Khalis

Editor  
Dr Azhari Md Hashim

Reka Letak Grafik  
Dr Faryna Mohd Khalis

Penerbit  
Galeri Seni Merbok

Jurugambar  
En Nizar Nazrin & En Syafiq Samat

### PENULIS

Shuhaila Md Shahid  
Dr Faryna Mohd Khalis  
En Zaidi Yusoff  
Dr Nurul Ayn Sayuti  
En Abdullah Kula  
Dr Shafila Subri

Cetakan  
Perpustakaan Sultan Badlishah


# Bengkel PANDAI BATIK BERSAMA PELANCONG TAIWAN

oleh: Suhaila Md Shahid

Pada 26 Oktober yang lalu, Seramai 80 orang pelancong dari Taiwan telah menyertai Bengkel Pandai Batik bersama Batik Merbok UiTM Kedah yang diadakan di Hotel Cinta Sayang Resort, Sungai Petani, Kedah. Bengkel ini telah dikendalikan oleh Koordinator Batik Merbok iaitu En Zaidi Yusoff. Turut hadir En. Mohd Zamri Azizan, Pereka Batik Merbok dan Pn. Chuah Bee Peng, selaku Pengacara Majlis serta beberapa orang Felo Batik Merbok yang turut serta didalam sesi ini.

Aktiviti telah bermula pada pukul 2.00 petang setelah semua pelancong Taiwan berkumpul didalam dewan. Pada mulanya, peserta diberi taklimat ringkas berkaitan batik, kemudian diikuti dengan demonstrasi oleh En. Mohd Zamri Azizan.

Dalam sesi ini juga, peserta diajar cara- cara untuk memilih warna dan menghasilkan tona yang berbeza dalam penghasilan batik. Kata salah seorang pelancong Taiwan itu, berdasarkan pemerhatiannya, walaupun corak batik merbok ini dilihat dengan motif yang lebih moden tetapi ia tetap menyelitkan flora dan fauna untuk menggambarkan suasana tradisi yang terdapat di Malaysia. Beliau begitu tertarik dengan kelainan batik yang dihasilkan oleh Batik Merbok. Akhirnya bengkel ini tamat pada jam 5.00 petang setelah semua peserta berjaya menghasilkan batik.



Peserta bersama hasil kerja mewarna batik